

Gaji naik mesti diiringi produktiviti

BANGI, Isnin — Kerajaan ingin melihat kenaikan secara menyeluruh paras gaji yang diiringi oleh kenaikan produktiviti di negara ini kerana kenaikan gaji boleh merangsang pertumbuhan perbelanjaan pengguna serta menyumbang kepada pembentukan kekayaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tekanan kenaikan gaji yang memang tidak dapat dielakkan disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang cergas, tidak semestinya memberi kesan buruk terhadap ekonomi.

Beliau, bagaimanapun, mengingatkan kenaikan gaji yang tidak disertai oleh pertumbuhan produktiviti akan menyebabkan arah aliran berterusan kenaikan gaji.

"Pekerja dan pihak penguurusan harus ingat bahawa kenaikan gaji yang sedemikian tidak lagi bermakna," katanya ketika merasmikan Program Penilaian Projek dan Penguurusan Analisis Risiko untuk Ahli-Ahli Bank di Institut Latihan Pengurusan Petronas di

sini hari ini.

Program itu dianjurkan oleh Kelab Harvard Malaysia dengan kerjasama Institut Harvard bagi Pembangunan Antarabangsa dan Institut Bank-Bank di Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan inflasi tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk menaikkan gaji kerana tindakan ini boleh memusnahkan kesejahteraan ekonomi negara. "Sebaliknya pula, pihak pengurusan tidak harus menentang kenaikan gaji yang disertai oleh pertumbuhan produktiviti," katanya.

Beliau juga berkata kegiatan ekonomi tempatan yang cergas dan jangkaan mengenai keadaan ekonomi yang lebih memuaskan, menimbulkan beberapa faktor yang membimbangkan, termasuk inflasi.

Perdana Menteri berkata tekanan inflasi perlu dikawal tetapi yang lebih penting ialah kenaikan produktiviti untuk membolehkan orang ramai menambah perbelanjaan.

"Kenaikan produktiviti ialah cara yang paling berkesan

untuk mengatasi inflasi," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan kini berbelah-belah antara hasrat untuk melonggarkan kawalan undang-undang ke atas industri bank bagi melindungi industri serta orang ramai.

"Bagaimanapun, bank-bank yang dalam kedudukan kewangan yang tenat tidak boleh dibiarkan begitu sahaja seperti perniagaan lain.

"Keruntuhan sebuah bank kecil sekalipun mempunyai kesan yang meluas terhadap ekonomi sesebuah negara dan kerajaan pula terpaksa campur tangan. Campur tangan sedemikian membabitkan perbelanjaan yang besar," katanya.

Beliau menegaskan kerajaan perlu mempunyai kuasa ke atas sektor bank kerana ia bertanggungjawab ke atas pencapaian bank.

"Bagaimanapun, kerajaan mahu mengamalkan dasar kawalan yang minimum dan ini bermakna pihak bank mesti bersikap profesional," katanya.